

KL sokong WTO diberi nafas baharu

BERITA HARIAN

8 JUL 2025

m/d: 3

Malaysia menyokong penuh reformasi menyeluruh terhadap Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk diberi nafas baharu agar dapat mengemudi isu masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata wujud keperluan untuk menangani isu seperti kecerdasan buatan, perdagangan digital dan dasar iklim, tanpa menjejaskan ruang dasar yang adil bagi negara membangun.

“Saya tegaskan komitmen Malaysia terhadap multilateralisme serta keperluan agar WTO kekal inklusif, berkesan dan responsif,” katanya selepas bertemu Ketua Pengarah WTO, Dr Ngozi Okonjo-Iweala di sini, semalam.

Pertemuan itu diadakan bagi membincangkan fungsi pertubuhan berkenaan dalam mendepani cabaran perdagangan global semasa. Anwar dan Okonjo-Iweala berada di bandar raya kedua terbesar Brazil ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17.

Di luar Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17 yang sedang berlangsung di sini, Perdana Menteri turut menerima kunjungan hormat rakan sejawat dari Vietnam, Pham Minh Chinh.

Anwar berkata, perjumpaan itu memberi ruang untuk mereka menilai tahap kemajuan kerjasama pelbagai bidang antara Malaysia dan Vietnam.

Ia merangkumi perdagangan,

pelaburan, pertahanan, keselamatan, maritim, perikanan serta tenaga hijau dan petroleum.

Bertemu PM India

Sementara itu, Anwar juga berkesempatan bertemu Perdana Menteri India, Narendra Modi, bagi meneliti potensi besar untuk memperluas kerjasama strategik Malaysia dan India dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelaburan, teknologi digital dan pertahanan.

“Saya turut mengalu-alukan minat syarikat India untuk melabur dalam sektor masa hadapan di Malaysia seperti ekonomi digital, kecerdasan buatan (AI), tenaga boleh baharu dan industri aeroangkasa.

“Kami juga komited untuk terus memperkukuh hubungan antara rakyat melalui kerjasama dalam bidang kebudayaan, pelancongan dan pendidikan termasuk cadangan penubuhan kampus Institut Teknologi India (IIT) di Malaysia,” kata Anwar.

Selain itu, Anwar menerima kunjungan hormat tokoh berpengalaman yang pernah menerajui Brazil dan kini meneruskan khidmat sebagai Presiden Bank Pembangunan Baharu (NDB), Dilma Rousseff.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah atas pemilihan semula beliau dan menyatakan keterbukaan Malaysia untuk meneroka potensi kerjasama bersama NDB.